

# Trump puji peranan Anwar satukan Thailand, Kemboja

Presiden AS hargai Malaysia bantu pertemukan dua negara adakan rundingan damai di Kuala Lumpur

**Kuala Lumpur:** Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memainkan peranan penting dalam usaha mendamaikan pertikaian sempadan antara Thailand dan Kemboja, kata Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump.

Pada majlis menandatangani perjanjian damai yang dikenali sebagai Perjanjian Damai Kuala Lumpur (Kuala Lumpur Peace Accord), Trump berkata, beliau pernah berjanji kepada Anwar dalam satu panggilan telefon sebelum ini bahawa beliau akan hadir ke majlis itu sekiranya perjanjian itu berjaya dimuktamadkan.

“Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Anwar. Saya menghubunginya sejak awal dan berkata, Anda mempunyai dua negara yang sedang berperang bersebelahan anda. Kita perlukan tempat ketiga, tempat yang *neutral* dan beliau bersetuju.

“Perdana Menteri (Anwar) memainkan peranan sangat penting dalam membantu mempertemukan kedua-dua pihak untuk ber-



Chamvirakul (kanan) bersama Manet bertukar tanda nama simbolik perjanjian damai antara Thailand dan Kemboja pada Sidang Kemuncak ASEAN Ke-47 di Kuala Lumpur, semalam. (Foto AFP)



berbincang di Kuala Lumpur.

“Beliau (Anwar) ada di situ, dan saya memberitahunya bahawa jika kita berjaya menyelesaikan masalah ini, saya akan datang ke negara anda. Saya menunaikan janji saya, bukan?”

“Saya rasa saya bertanggungja-

wab untuk datang kerana anda (Anwar) sangat hebat dan dua lelaki di sisi anda, Perdana Menteri Thailand, Anutin Charnvirakul dan Perdana Menteri Kemboja, Hun Manet mereka juga hebat, tokoh bersejarah sekarang, tokoh bersejarah awal,” katanya.

Thailand dan Kemboja menandatangani perjanjian damai bersejarah semalam yang membuka jalan untuk menamatkan beberapa bulan pertempuran tentera

yang mengorbankan nyawa.

Perjanjian itu ditandatangani oleh Anutin dan Hun Manet, disaksikan oleh Trump dan Anwar yang berusaha menamatkan permusuhan di sempadan antara kedua-dua negara itu.

Terdahulu, pesawat rasmi Trump, *Air Force One*, selamat mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang jam pada jam 9.54 pagi.

Trump disambut Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sebaik turun dari pesawat kemudian melalui perbarisan kawalan kehormatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Konvoi rasmi presiden turut merangkumi *The Beast*, kenderaan rasmi diterbangkan khas bagi lawatan ini, yang akan digunakan sepanjang beliau berada di Malaysia.

Selepas saling bertanya khabar, Anwar dan Trump menaiki *The Beast* bersama-sama, meninggalkan Kompleks Bunga Raya untuk ke Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) bagi menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-47 dan Sidang Kemuncak Berkaitan bermula semalam hingga esok.

Kunjungan ini lawatan rasmi pertama Trump ke Malaysia dan rantau Asia Tenggara sejak dipilih sebagai Presiden AS bagi penggal kedua pada Januari lalu. Trump ialah Presiden AS ketiga dalam sejarah yang melawat Malaysia, selepas Lyndon B Johnson pada 1966 dan Barack Obama pada 2014 dan 2015.